

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor  
2024, Vol 7, Bil 2, Halaman 13-26

**Hafazan al-Quran: Peringkat dan Kemahiran Hafazan*****Memorization of the Quran: Stages and Memorization Skills***

**Fatin Husna Zaidi <sup>1\*</sup>, Noornajihan Jaafar<sup>2</sup>,**

<sup>1</sup> Faculty of Quran and Sunnah, University Science Islamic Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan.

<sup>2</sup> Faculty of Quran and Sunnah, University Science Islamic Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan.

\* Corresponding Author: Fatin Husna Zaidi. Department, Faculty of Quran and Sunnah, University Science Islamic Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan. ORCID ID: 0009-0007-2601-5007

Artikel dihantar: 19 Jun 2024

Artikel diterima: 4 Disember 2024

Artikel diterbitkan: 26 Disember 2024

**ABSTRACT**

*This study discusses the stages of memorization and the skills involved in Quranic memorization as essential aspects of the Quran memorization process. Within this context, an analysis was conducted on the stages of memorization through the lens of the memorization skills involved in the new memorization process (hifz jadid). The methodology of this study employs a literature review and document analysis related to the methodology of Quranic memorization. The findings of the study reveal three aspects of Quranic memorization skills, encompassing the memorization limit, repetition limit, and recitation levels. The results indicate that the stages of memorization do not end at the quantity of Quranic verses that have been memorized (tasmik), but also encompass the evaluation of memorization skills. Therefore, this study is expected to provide an approach to the Quran memorization process, along with the specialization of suitable methods and techniques for memorization.*

**Keywords**

*Quran memorization; Stage; Skill; Methodology*

**ABSTRAK**

Hafazan al-Quran adalah salah satu disiplin utama dalam pengajian al-Quran yang memerlukan penguasaan kemahiran hafazan yang teratur dan berkesan. Kajian ini memberi tumpuan kepada peringkat hafazan dan kemahiran hafazan al-Quran sebagai elemen penting untuk memastikan keberkesanan proses hafazan, terutamanya pada peringkat hafazan baru (*hifz jadid*). Permasalahan kajian ini berfokus kepada keperluan untuk memahami hubungan antara peringkat hafazan dan penguasaan kemahiran yang menyeluruh kerana penilaian hafazan sering kali terhad kepada jumlah ayat yang dihafaz tanpa memberi penekanan kepada kualiti dari sudut kemahiran hafazan. Metodologi kajian adalah menggunakan pendekatan kajian kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan analisis dokumen yang berkaitan dengan metodologi hafazan al-Quran. Hasil kajian menyimpulkan dalam hafazan al-Quran mempunyai peringkat hafazan, penilaian kemahiran hafazan



serta aspek kemahiran hafazan bagi *hifz jadid*. Diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan dalam memperbaiki pendekatan pengajaran hafazan al-Quran melalui pengkhususan kaedah dan teknik yang lebih sesuai dan sistematik.

### Keywords

*Hafazan al-Quran; Peringkat hafazan; Kemahiran hafazan; Metodologi hafazan;*

**How to Cite:** Zaidi, F. H., & Jaafar, N. . (2024). Hafazan Al-Quran: Peringkat dan Kemahiran Hafazan. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 13–27. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i2.83>

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i2.83>

## 1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kitab wahyu terakhir yang diturunkan kepada utusan Allah SWT yang terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW sebagai petunjuk dan pedoman hidup. Kemukjizatan al-Quran yang tiada bandingan dan mengandungi pelbagai teras ilmu serta menjadi sumber peradaban yang terdiri dari prinsip-prinsip dasar ilmu pengetahuan dan peradaban (Zetty Nurzuliana Rashed et al, 2016). Kebenaran al-Quran jelas terbukti pada hari ini telah menambat hati masyarakat setelah melihat kemenjadian individu dari segi akidah, akhlak dan sahsiah diri. Keadaan ini apabila diterap dan dibentuk dengan pendidikan al-Quran dalam kehidupan. Melalui peristiwa agung wahyu pertama yang diturunkan buat Nabi Muhammad SAW di Gua Hira' yang diriwayatkan oleh A'isyah telah berkata:

...حَتَّىٰ فَجِئَهُ الْحَقُّ وَهُوَ فِي غَارٍ حَرَاءٍ، فَجَاءَهُ الْمَلَكُ فِيهِ، فَقَالَ: اقْرَأْ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (فَقُلْتُ: مَا أَنَا بِقَارٍ، فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي حَتَّىٰ بَلَغَ مِنِّي الْجُحْدُ، ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ: اقْرَأْ، فَقُلْتُ: مَا أَنَا بِقَارٍ، فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي الثَّانِيَةَ حَتَّىٰ بَلَغَ مِنِّي الْجُحْدُ، ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ: اقْرَأْ، فَقُلْتُ: مَا أَنَا بِقَارٍ، فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي الثَّالِثَةَ حَتَّىٰ بَلَغَ مِنِّي الْجُحْدُ، ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ: {اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ - حَتَّىٰ بَلَغَ - عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ}...)...

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ta'bir, Bāb Awalu Ma Bada' bihi Rasūlullāh..., no hadis 6581]

Maksudnya: "...Sehinggalah datang kepada Baginda perkara yang tidak disangka-sangka oleh Baginda di Gua Hira'. Malaikat datang kepada Baginda lalu berkata : Bacalah. Maka Nabi SAW berkata kepada malaikat : Aku tidak boleh membaca. Lantas dia memegang dan memeluk aku sehingga kau merasa sesak. Lalu dia melepaskan. Nabi SAW berkata : Aku tidak boleh membaca. Lantas dia memegang dan memeluk aku erat kali yang kedua sehingga aku merasa sesak. Lalu dia berkata : Bacalah. Nabi SAW berkata : Aku tidak boleh membaca. Lalu dia memegang dan memeluk aku erat buat kali yang ketiga kemudian dia melepaskan aku. Maka Nabi SAW membaca Surah al-'Alaq ayat 1 hingga 5..."

Pada peringkat ini al-Quran diturunkan kepada Nabi SAW yang bersifat *ummiy* sebagaimana Allah SWT berfirman:

Maksudnya: Dialah (Allah) yang mengutuskan di dalam golongan *ummiy* seorang Rasul dari kalangan mereka yang membacakan ayat-ayat-Nya ke atas mereka dan dia menyucikan mereka serta mengajarkan kepada mereka al-Kitab dan al-Hikmah sekalipun mereka sebelum ini berada di dalam kesesatan yang nyata. [Surah al-Jumu'ah: 2]



Maksud *ummiy* iaitu seseorang tidak dapat menulis dan tidak tahu membaca. Menurut al-Imam al-Nawawi bahawa *ummiyyah* itu satu penisbahan ke atas keadaan seperti bayi yang mula dilahirkan dari ibu dalam keadaan tidak menulis dan mengira (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. 2016). Seperti mana dari hadis Nabi SAW bersabda:

إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Saum, Bāb Qawl al-Nabī...*, no hadis 1814]

Maksudnya: “Sesungguhnya kita ini umat yang *ummiyyah*. Kita tidak menulis dan kita tidak mengira.”

Melihat keadaan ini menjadikan salah satu hikmah dan panduan bahawa Nabi SAW turut melalui peringkat permulaan dalam menghafaz al-Quran. Hal keadaan berterusan apabila Nabi SAW sendiri bertemu dengan guru utamanya iaitu Jibrail AS untuk bertalaqqi bacaan pada setiap bulan Ramadan. Diiringi perbuatan Nabi SAW yang sering kali mengulang-ngulang al-Quran di dalam setiap ibadah-ibadah yang dilaksanakan baik yang wajib mahupun yang sunat (Abdul Jalal Abdul Manaf et al, 2015). Apabila Nabi SAW menerima wahyu dan tanpa berlengah terus menyampaikan kepada para sahabat. Ditambah pula para sahabat yang tekun dan bersungguh-sungguh dalam menghayati dan mengamalkan apa yang diperintah oleh Allah SWT sehinggakan menurut al-Sabuni (1985:121) jika sesiapa melalui rumah-rumah para sahabat pada waktu malam di Madinah akan kedengaran seperti dengungan yang kuat seperti bunyi lebah dalam sarangnya. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ubay bin Ka’ab RA telah menyebut:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - كَانَ يُقْرَأُ لَهُمُ الْعَشْرُ فَلَا يُجَاوِزُوهَا إِلَى عَشْرِ أُخْرَى حَتَّى يَتَعَلَّمُوا مَا فِيهَا مِنَ الْعَمَلِ، فَيَعْلَمُوا الْقُرْآنَ وَالْعَمَلَ جَمِيعًا

[Al-Qurtubī, *Ṣaḥīḥ Bab al-Kaifiyat al-Ta’lim wa al-Fiqh li Kitābillah wa Sunnati Nabi*]

Maksudnya: “Sesungguhnya Rasulullah SAW membacakan kepada mereka (para sahabat) sepuluh ayat, mereka tidak akan menambah kepada sepuluh ayat berikutnya sampai mereka mengerti isi kandungan ayat-ayat tersebut dan mengamalkannya.”

Penyampaian al-Quran secara *mutawatir* ini berterusan dan berkembang dalam setiap generasi sahabat, tabiin, tabi’ tabiin sehinggalah sampai pada generasi hari ini. Melihat perkembangan bidang tahfiz merupakan satu perkara yang baik, maka ia telah dijalankan secara formal oleh kerajaan pusat pada tahun 1966. Tindakan drastik ini diarahkan oleh Perdana Menteri Malaysia pertama iaitu Y.T.M Tunku Abdul Rahman al-Haj yang telah memberi arahan untuk menubuhkan Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara setelah menyatakan hasrat ketika menerima kunjungan Syeikh Mahmud al-Syaltut di Malaysia sewaktu perasmian Masjid Negara (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2020). Usaha ini terus berkembang dengan baik seiring dengan penubuhan pelbagai institusi tahfiz kerajaan mahupun swasta dan telah memberi kesan pandangan yang positif dari kalangan masyarakat.

## 2.0 TINJAUN KAJIAN LEPAS

Institusi tahfiz merupakan salah satu manifestasi proses tamadun manusia yang bertujuan membina hakikat *insaniyatul insan* untuk mengenalkan konsep *makrifah* kepada Tuhan serta memperkuat konsep *ubudiyyah* kepada-Nya (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2018). Seiringan perkembangan yang semakin mendapat sambutan positif, maka wujud pelbagai model kaedah hafazan al-Quran dalam mencapai objektif untuk memudahkan individu melalui proses hafazan dan mencapai sasaran hafazan sehingga khatam hafazan al-Quran. Tambahan pula, terdapat penekanan pada kaedah penjagaan atau murajaah hafazan bagi memastikan kelestarian hafazan al-Quran secara berterusan.



Menurut Siti Suriyani Sulaiman (2018) bahawa pelbagai teori model kaedah dan teknik hafazan al-Quran seperti Teori Hafazan Rasulullah (Muhamamd Ali al-Sabuni, 1996; Ismail Awang, 1987 & Abu Najihat al-Hafiz, 2001), Ibnu Sahnun (Yahya Husan Ali Kirad, 2003; Kamal Abdul Hamis, 2005 & Muhammad Ali al Khaulani, 2006), al-Qabisi (1995), Abu Mazaya (2004), Kaedah Jibril ((Muhammad Asraff Ayob al-Hafiz, 2013), Teori Gabungan H. Sa'dulloh (2008) dan Ir. Imjad Qasim (2014) dan lain-lain lagi. Terdapat sebahagian model dan teori turut diambil dari luar negara dan digunapakai di Malaysia seperti Kaedah Hafazan India (Deobandy), Pakistan (Panipati), Arab Saudi, Indonesia, Turki dan Bangladesh (Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid, 2014). Tidak terlepas juga yang dibina dan direka oleh pakar-pakar tempatan seperti teknik al-Baghdadi, Ulul al-Albab dan pelbagai lagi (Mohd Shamsul Hakim et al., 2021).

Kaedah hafazan al-Quran perlu disusun secara sistematik dan disesuaikan mengikut kebolehan individu. Bagi mengekalkan dan meningkatkan daya hafazan para *huffaz*, adalah penting untuk mereka memilih kaedah yang sesuai (Siti Suriyani Sulaiman, 2018). Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diingatkan bahawa setiap orang yang menggunakan model atau teori yang menggabungkan pelbagai kaedah dan teknik perlu menetapkan sasaran peringkat mereka sendiri. Tujuannya adalah untuk mengukur tahap keupayaan atau kejayaan individu berdasarkan kemahiran hafazan yang digunakan. Kajian ini menggunakan istilah "peringkat hafazan" untuk merujuk kepada tahap pencapaian individu dalam menghafal ayat-ayat al-Quran mengikut aspek kemahiran hafazan mereka. Penekanan diberikan kepada peringkat hafazan yang dinyatakan dengan hanya terbatas pada kuantiti hafazan semata. Pentingnya mempertimbangkan bagi aspek had hafazan dan *tikrar* atau bilangan ulangan dalam hafazan juga harus diberikan perhatian. Tambahan juga, individu yang menghafal dengan kuantiti yang besar tetapi tidak memenuhi kelancaran hafazan, tajwid dan makhraj serta *fasahah* yang baik mungkin masih belum mencapai tahap mahir dalam hafazan al-Quran.

Persoalannya, bagaimana untuk mengklasifikasikan peringkat hafazan yang sesuai dengan aspek kemahiran hafazan. Melalui analisis kajian lepas mengenai peringkat hafazan pengkaji mendapati bahawa masih terdapat kekurangan dalam penekanan peringkat hafazan berbanding dengan penekanan semata-mata terhadap persediaan sebagaimana dinyatakan dalam kajian oleh Abd Rahman et al. (2014) dalam kajian yang bertajuk *Amalan Kaedah Hafazan al Quran di Darul Quran*. Kajian ini memperkenalkan pembahagian peringkat hafazan kepada dua iaitu peringkat persiapan sebelum dan semasa bagi hafazan baru atau *hifz jadid*. Bagi persediaan peringkat sebelum menghafaz terdiri lima perkara iaitu i) Khatam al-Quran ii) Mengkhususkan satu mashaf sahaja iii) Menentukan kadar hafazan iv) Susunkan ayat atau juz' yang akan dihafaz dan yang terakhir tidak berpindah kepada ayat seterusnya sehingga betul lancar. Dua peringkat ini memberikan panduan tentang pelbagai kaedah dan teknik dalam menghafaz *hifz jadid* dan dianggap sebagai panduan umum buat para *huffaz*.

Seterusnya, kajian oleh Abdul Hafiz Abdullah et al, (2003) bertajuk *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Pengkaji membahagikan peringkat hafazan kepada tiga iaitu peringkat menghafaz ayat-ayat baru (*Hifz Jadid*), peringkat mengulang-ulang hafazan lepas (*Sabaq*) dan peringkat mengekalkan hafazan yang sedia ada (*Murajaah/ 'Idah*). Peringkat-peringkat ini turut menjadi panduan kaedah dan teknik secara umum yang berfokus persediaan bagi setiap peringkat yang dinyatakan.

Kajian yang dijalankan oleh Zafi Nur Ma'rij (2003) bertajuk *Implementasi Metode Fashohah MQ untuk Meningkatkan Kualitas Bacaan Santri Madrasatul Qur'an Tebuireng, Jombang*. Dalam kajian itu turut membahagikan empat peringkat bagi syarat individu yang ingin menyertai program tahfiz bersama perinciannya iaitu peringkat *mubtadi'*, *mutawassith*, *muntadhir* dan *maqbul*. Hasil kajian yang menekankan *fasahah* dalam meningkat kualiti bacaan baik secara *bi nadzhar* muwahhadah ataupun program tahfiz. Program hafazan tersebut turut membahagikan kepada tiga peringkat iaitu kelas '*ula*, *mutawassith* dan *mutaqaddim* bersama modul yang diseragamkan. Hasil dapatan kajian menunjukkan keberkesanan penggunaan metode *fasahah* dalam proses hafazan al-Quran. Kaedah tersebut dapat meningkatkan kualiti bacaan yang memenuhi tingkatan bacaan tartil iaitu bacaan yang lebih jelas yang terdiri dari *makharijul* huruf dan *fasahah* serta nada yang sesuai.



Kepentingan hafazan seseorang perlu selari antara kemahiran yang diasah bersama dengan teknik yang betul. Sebagaimana mengasah kemahiran kelancaran bacaan ketika tasmik, maka para *huffaz* disarankan untuk mengkhataamkan bacaan al-Quran terlebih dahulu seterusnya diiringi dengan talaqqi, pengulangan bacaan dan tingkatan bacaan dengan kadar yang tartil ketika menghafaz. Syeikh Ali Muhammad al-Dabba' (1938) membahagikan tiga peringkat bagi *al-Qari* iaitu mereka yang menghafaz al-Quran. Beliau hanya menyatakan bagi peringkat *mubtadi'* adalah yang mengetahui satu hingga tiga riwayat, *al-mutawassit* yang mengetahui empat atau lima riwayat dan *al-muntahi* yang mengetahui kebanyakan qiraat dan yang masyhurnya. Peringkat hafazan ini wujud apabila pengkaji mendapati hadis daripada Abu Mas'ud al-Badri, 'Uqbah Ibn Amru R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَوْمَ الْقَوْمِ أَقْرَأُكُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Māsājīdī Wā Māwādi' al-Sōlah*, *Bāb al-Hāqqu bil Īmāmah*, no hadis 673]

Maksudnya: "Yang layak menjadi imam di kalangan mereka adalah yang paling banyak hafazan dan bacaan kitab Allah."

Pemilihan imam juga membezakan di antara mereka yang paling banyak hafazan iaitu yang seiring dengan bacaan al-Quran yang baik menjadikan mereka layak menjadi imam. Ini jelas menunjukkan perbezaan dalam peringkat hafazan dengan ciri kemahiran yang perlu dicapai untuk layak dikategorikan pada peringkat tersebut. Walau bagaimanapun, melalui pembacaan pengkaji masih belum menemui yang lengkap membahagikan peringkat menghafaz al-Quran secara terperinci. Selain itu, kaedah dan teknik mengikut peringkat juga belum ditemui selain dinyatakan secara umum. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat menjadikan rujukan dalam membahagikan peringkat hafazan al-Quran yang lebih selari serta menentukan kesesuaian kaedah dan teknik menghafaz al-Quran untuk setiap peringkat tersebut.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif, iaitu:

- (1) Mengenal pasti pembahagian peringkat hafazan al-Quran.
- (2) Mengenal pasti kemahiran hafazan al-Quran yang terlibat dalam proses hafazan al-Quran.
- (3) Menyatakan aspek kemahiran hafazan al-Quran berdasarkan peringkat hafazan al-Quran.

### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis dokumen bagi memenuhi objektif kajian. Analisis dokumen adalah sebahagian kaedah pengumpulan data penyelidikan dari analisis kandungan. Analisis kandungan adalah deskripsi objektif maklumat komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Dengan kata lain, bahagian mesej boleh didengar, diperolehi dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan atau dicetak (Sabitha Marican, 2009). Proses analisis dokumen yang dijalankan dalam kajian ini adalah merujuk kepada dokumen-dokumen berkaitan metodologi pendidikan dan hafazan al-Quran dalam penyelidikan ini.

### 5.0 DAPATAN KAJIAN

#### 5.1 Peringkat Hafazan

Setiap model yang disusun mempunyai peringkat yang berbeza bagi individu semasa melalui proses tersebut. Keperluan mengelaskan peringkat hafazan agar setiap individu boleh merefleksi kemampuan serta tahap penguasaannya tanpa teragak-agak. Sebagaimana perbezaan peringkat permulaan hafazan dengan pembahagian yang lain yang memulakan dengan bacaan *Iqra'* bagi melancarkan pembacaan al-Quran. Sedangkan pembahagian peringkat



hafazan ini dimulakan apabila seseorang sudah layak menghafal dan memulakan hafazan pada Juzu'30 atau mengikut permulaan kaedah hafazan yang digunakan. Langkah permulaan dengan bacaan *Iqra'* akan diklasifikasikan sebagai langkah permulaan dalam pembelajaran dan pembacaan al-Quran.

Setelah mengetahui murid di peringkat tertentu maka boleh diterapkan mengikut kaedah-kaedah yang sesuai secara sendiri atau bersama bantuan guru dan alat yang sesuai. Penentuan kaedah dan teknik tidak semestinya sesuai pada semua peringkat seperti mana dinyatakan langkah *tikrar*. Teknik *tikrar* memerlukan pengulangan yang mencukupi sebagai ukuran mengikut peringkat. Peringkat murid ditentukan oleh guru melalui ujian bacaan pada awal atau penilaian tasmik. Peringkat pemula atau *mubtadi'* dalam hafazan merupakan peringkat yang penting dalam mengetahui kaedah dan teknik yang betul. Peringkat *mubtadi'* dalam tilawah dan hafazan mempunyai beberapa perbezaan. Berikut Jadual 1 perbezaan Mubtadi Tilawah al-Quran dan Hafazan al-Quran oleh Syaza Mohd Sabri & Sharini Che Ishak (2014) iaitu:

**Jadual 1:** Perbezaan *Mubtadi'* Tilawah al-Quran dan *Mubtadi'* Hafazan al-Quran oleh Syaza Mohd Sabri & Sharini Che Ishak (2014)

| <i>Mubtadi'</i> Tilawah al-Quran                                                                                                                                                                                                                                                                                            | <i>Mubtadi'</i> Hafazan al-Quran                                                                                                                                                                                                      |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permulaan mengenal huruf-huruf hijaiyyah, baris dan ejaan (muqaddam)</li> <li>• Cara menyebut dan mengenal tempat keluar huruf hijaiyyah</li> <li>• Membaca potongan-potongan kalimah</li> <li>• Peringkat mudah sehingga susah (tajwid)</li> <li>• Mengeja dan membaca</li> </ul> | Tidak dinyatakan.                                                                                                                                                                                                                     |
| Menggunakan kaedah: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Talaqqi dan musyafahah</li> <li>• Baghdadiyyah</li> <li>• Qiraati</li> <li>• Iqra</li> <li>• Hattawiyah</li> </ul>                                                                                                                                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah Menyalin</li> <li>• Kaedah Ulang dan Latih Tubi</li> <li>• Kaedah Mendengar</li> <li>• Kaedah Cuba Jaya</li> <li>• Kaedah Sambung Bacaan</li> <li>• Kaedah Menggunakan ICT</li> </ul> |

## 5.2 Ciri Peringkat-Peringkat Hafazan al-Quran

### 1. *Mubtadi'* atau permulaan

Peringkat *mubtadi'* terdiri dari individu mengkhataamkan bacaan 30 Juzu' secara *bil nazar* iaitu bacaan secara melihat *mashaf* bersama guru al-Quran setidaknya sekali, sebagai persiapan sebelum memulai proses menghafaz al-Quran. Individu dikategorikan sebagai *mubtadi'* apabila mereka belum memiliki pengalaman dalam bidang hafazan, belum jelas pada aliran hafazan yang berstruktur, atau hanya mampu menghafaz dalam kuantiti yang sedikit. Kemahiran menghafaz dengan jumlah yang terbatas tanpa adanya metode dan teknik yang berstruktur juga menempatkan individu pada tahap ini. Selain itu, kekurangan dalam kefahaman teori dan praktikal dalam tajwid, makhraj huruf, dan fasahah juga boleh dianggap sebagai penanda bahawa seseorang itu berada di tahap *mubtadi'*.

### 2. *Mutawassith* atau pertengahan

Individu dapat dinyatakan berada pada peringkat *mutawassith* setelah melewati tahap *mubtadi'*. Jika individu tersebut masih menunjukkan ciri-ciri *mubtadi'*, maka tidak layak untuk dipindahkan ke peringkat *mutawassith*. Individu di



tahap *mutawassith* dianggap memiliki pemahaman tentang teori hukum tajwid dan makhraj huruf, walaupun kemahirannya masih pada tahap sederhana. Jika kemampuan individu dalam menghafaz bertambah dalam jumlah yang signifikan daripada tahap *mubtadi'* dengan kebolehan membaca yang baik, maka individu tersebut boleh digelar sebagai *mutawassith*. Pada peringkat ini, kaedah hafazan menjadi lebih tersusun berbanding dengan tahap *mubtadi'* terutamanya dalam *hifz jadid* iaitu menghafaz ayat-ayat baru.

### 3. Muntahi atau mahir

Peringkat *muntahi* atau mahir dalam hafazan al-Quran apabila individu perlu menguasai beberapa aspek yang penting. Pertama, mereka harus memiliki pemahaman yang mendalam tentang teori makhraj huruf dan hukum tajwid yang merupakan dasar penting dalam membaca dan menghafaz al-Quran dengan betul. Selain itu, kemahiran dalam melafaz ayat-ayat al-Quran dengan fasih dan tartil adalah syarat utama bagi individu pada tahap ini. Keadaan ini kebolehan untuk mengucapkan ayat-ayat dengan lancar serta nada yang sesuai adalah ukuran yang penting bagi peringkat mahir dalam hafazan al-Quran. Seterusnya, kaedah hafazan menjadi lebih tersusun dan berstruktur berbanding dengan tahap-tahap sebelumnya seperti *mubtadi'* dan *mutawassith*. Ini termasuk penerapan kaedah hafazan yang lebih maju dan efektif dalam menghafaz ayat-ayat baru dengan lebih cepat dan efisien. Terakhir, individu pada peringkat *muntahi* atau mahir diharapkan memiliki kemampuan untuk menghafaz dengan jumlah yang lebih banyak daripada tahap *mutawassith* dan *mubtadi'*, sambil memastikan penggunaan tajwid yang betul untuk setiap ayat yang dihafaz.

### 5.3 Aspek Kemahiran Peringkat Hafazan Pada Hifz Jadid

Maksud *hifz jadid* adalah hafazan ayat-ayat baru (Abdul Hafiz et al., 2003). Melalui proses hafazan baru (*hifz jadid*) terdapat kaedah dan teknik yang sesuai bersama peringkat hafazan. Hal ini kerana kemampuan menghafaz individu berbeza antara satu sama lain dari sudut had hafazan, bilangan tikkar dan sebagainya. Menurut Abdul Hafiz et al. (2003) menyatakan bahawa tidak terdapat satu pun kaedah yang sesuai tetapi berdasarkan pengalaman guru al-Quran maka terdapat suatu kaedah yang lebih berkesan, lebih cepat masanya dan lebih tahan kekuatan daya ingatan yang biasa digunakan untuk semua peringkat hafazan. Maka berdasarkan pengamatan melalui peringkat hafazan yang telah dibincangkan maka menghafaz ayat baru bersama aspek kemahiran hafazan yang sesuai dengan peringkat hafazan. Berikut Jadual 2 menunjukkan aspek kemahiran hafazan pada *hifz jadid* yang dicadangkan oleh pengkaji setelah melaksanakan kajian rintis melalui setiap peringkat hafazan iaitu:

Jadual 2 Aspek Kemahiran Hafazan melalui Peringkat Hafazan

| Peringkat        | Mubtadi'                                                                                                                                                          | Mutawassit                                                                                                                                                        | Muntahi                                                                                                                                                          |
|------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Had Hafazan      | <ul style="list-style-type: none"> <li>1-5 ayat bagi ayat/surah yang pendek</li> <li>5 baris bagi ayat/surah yang panjang atau 1/3 muka surat</li> </ul>          | <ul style="list-style-type: none"> <li>5-15 ayat bagi ayat/surah yang pendek</li> <li>10 baris bagi ayat/surah yang panjang atau 2/3 muka surat</li> </ul>        | <ul style="list-style-type: none"> <li>Melebihi had hafazan mubtadi' dan mutawassit</li> </ul>                                                                   |
| Kekerapan bacaan | <ul style="list-style-type: none"> <li>10-20 kali baca ayat/bahagian potongan ayat sehingga lancar (bergantung kelancaran bacaan dan fasahah individu)</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>10-15 kali baca ayat/bahagian potongan ayat sehingga lancar (bergantung kelancaran bacaan dan fasahah individu)</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>5-10 kali baca ayat/bahagian potongan ayat sehingga lancar (bergantung kelancaran bacaan dan fasahah individu)</li> </ul> |

|                   |                                                                                                                                 |                                                                                                                                 |                                                                                                                                 |
|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kekerapan ulangan | <ul style="list-style-type: none"> <li>15-60 kali ulangan bagi setiap ayat ,bahagian/potongan dan gabungan potongan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>10-20 kali ulangan bagi setiap ayat, bahagian/potongan dan gabungan potongan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>10-20 kali ulangan bagi setiap ayat, bahagian/potongan dan gabungan potongan.</li> </ul> |
| Peringkat bacaan  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Tartil</li> </ul>                                                                        |                                                                                                                                 |                                                                                                                                 |

### 1. Sukatan Hafazan atau Had Hafazan

Kaedah menentukan had hafazan bagi hafazan baru merupakan satu kaedah yang sangat membantu para huffaz. Hal keadaan ini dilaporkan oleh Yaacob, M. T., & Mohd Zain, A. R. (2017) bahawa pelajar lebih cenderung membuat pembahagian sukatan hafazan kepada beberapa bahagian ayat dari 2 hingga 3 bahagian dalam satu muka surat sehingga memperoleh skor min sebanyak 3.34. Menurut Muhammad al-Dah Ahmad al-Syanqiti dalam penulisan di laman Islamweb (2018) bahawa saranan dalam bidang yang melibatkan hafazan al-Quran perlu menggunakan kaedah memisahkan beberapa bahagian atau sekurangnya 10 bait syair seumpamanya agar memudahkan membaca dan mengingatnya dengan waktu yang sedikit sebagaimana dicipta 10 jari. Had sukatan ini sesuai dimulakan dengan kaedah 5 ayat sebagai mana saranan Abu al-Wafa' (1999) dan Abu al-Fida' (2006). Melalui kitab *Jam'u al-Jāwāmi'* terdapat satu hadis daripada Abu al-'Aliyah telah berkata:

قال عمر: تَعَلَّمُوا الْقُرْآنَ خَمْسَ آيَاتٍ، خَمْسَ آيَاتٍ، فَإِنَّ جِبْرِيلَ نَزَلَ بِالْقُرْآنِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسَ آيَاتٍ، خَمْسَ آيَاتٍ

[Jalaluddin al-Suyuti, *Jam'u al-Jāwāmi' al-Ma'ruf bil al-Jāmi' al-Kabir*, Musnad Umar bin al-Khattab RA., no hadis 742]

Maksudnya: Umar berkata: “Pelajarilah al-Quran lima ayat lima ayat kerana sesungguhnya Jibril AS menurunkan al-Quran ke atas Nabi SAW lima ayat lima ayat.”

### 2. Proses ulangan atau Tikrar

Teknik tikrar atau pengulangan merupakan teknik mengulang-ulang bacaan ayat sehingga murid dapat menghafaz dengan lancar dan baik. Kaedah ini turut menjadi kunci utama dalam menyumbang keutuhan dan kekuatan ayat yang telah dihafaz. Kaedah tikrar perlu dilaksanakan mengikuti proses tanpa dilibatkan dengan cara yang terburu-buru dalam membacanya kerana pengulangan seperti ini akan lebih menyumbang kepada keletihan, kebosanan serta cepat lupa apabila setelah selesai mengingatnya. Sebagaimana peristiwa Nabi Muhammad SAW sendiri yang ditegur oleh Allah atas perbuatan baginda yang terburu-buru dalam menggerakkan lidah dan bacaannya (Abdul Jalal Abdul Manaf et al, 2015). Maka Allah menenankan baginda bahawa Allah jua yang menjaga apa yang dihafaz di dada baginda sebagaimana diriwayatkan oleh al-Bukhari dengan menyebut:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، فِي قَوْلِهِ تَعَالَى: { لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ } . قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَالِجُ مِنَ التَّنْزِيلِ شِدَّةً، وَكَانَ مِمَّا يُحَرِّكُ شَفَتَيْهِ - فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: فَأَنَا أَحَرِّكُهُمَا لَكُمْ كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ



يُحَرِّكُهُمَا، وَقَالَ سَعِيدٌ: أَنَا أُحَرِّكُهُمَا كَمَا رَأَيْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ يُحَرِّكُهُمَا، فَحَرَّكَ شَفَتَيْهِ - فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى: { لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ. إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ }. قَالَ: جَمَعُهُ لَهُ فِي صَدْرِكَ وَتَقْرَأُهُ: { فَإِذَا قَرَأْتَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ }. قَالَ: فَاسْتَمِعَ لَهُ وَأَنْصَتَ: { ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ }. ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا أَنْ تَقْرَأَهُ، فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ ذَلِكَ إِذَا أَتَاهُ جِبْرِيلُ اسْتَمَعَ، فَإِذَا انْطَلَقَ جِبْرِيلُ قَرَأَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا قَرَأَهُ.

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Bada' al-Wahyu, no hadis 5]

Maksudnya: "Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas tentang firman Allah Ta'ala: (Janganlah kamu gerakan lidah mu untuk (membaca) al-Quran kerana hendak cepat-cepat ingin (menguasainya). Berkata Ibnu 'Abbas: "Rasulullah SAW sangat kuat keinginannya untuk menghafaz apa yang diturunkan (al-Quran) dan menggerakkan kedua bibirnya. Berkata Ibnu 'Abbas: "Aku akan menggerakkan kedua bibir ku (untuk membacakannya) kepada kalian sebagaimana Rasulullah SAW melakukannya kepada ku". Berkata Sa'id: "Dan aku akan menggerakkan kedua bibir ku (untuk membacakannya) kepada kalian sebagaimana aku melihat Ibnu 'Abbas melakukannya. Maka Nabi SAW menggerakkan kedua bibirnya, Kemudian turunlah firman Allah Ta'ala: Janganlah kamu gerakan lidah mu untuk (membaca) al-Quran karena ingin cepat (menguasai)nya. Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu mampu) membacanya". Maksudnya Allah mengumpulkannya di dalam dadamu (untuk dihafaz) dan kemudian kamu membacanya: "Apabila Kami telah selesai membacakannya, maka ikutilah bacaannya itu". Maksudnya: "Dengarkanlah dan diamlah". Kemudian Allah Ta'ala berfirman: "Kemudian, sesungguhnya atas tanggungan Kamilah penjelasannya. Maksudnya: "Dan Kewajiban Kamilah untuk membacakannya" Dan Rasulullah SAW sejak saat itu bila Jibril a.s. datang kepadanya, Rasulullah SAW mendengarkannya. Dan bila Jibril a.s. sudah pergi, maka Nabi SAW membacakannya (kepada para sahabat) sebagaimana Jibril a.s. membacakannya kepadanya"

Maka proses pengulangan ini perlu disertai dengan keadaan yang tenang dan fokus serta pengulangan yang kerap. Ibn Jauzi RA dalam kitabnya *al-Jami' al-Hathu 'ala Hifz al-'Ilm* turut menyatakan bahawa kaedah dalam menyempurnakan hafalan adalah dengan mengulang-ulang apa yang dihafaz. Sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang Imam Ahmad Ibn Hambal dalam kitab *Musnadnya* iaitu:

حَدَّثَنَا أَبُو سَعِيدٍ، مَوْلَى بَنِي هَاشِمٍ، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْمُثَنَّى قَالَ: سَمِعْتُ ثُمَامَةَ بْنَ أَنَسٍ يَذْكُرُ أَنَّ أَنَسًا كَانَ إِذَا تَكَلَّمَ تَكَلَّمَ ثَلَاثًا، وَيَذْكُرُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا تَكَلَّمَ تَكَلَّمَ ثَلَاثًا، وَكَانَ يَسْتَأْذِنُ ثَلَاثًا. قَالَ أَبُو سَعِيدٍ: وَحَدَّثَنَا بَعْدَ ذَلِكَ بِهَذَا الْحَدِيثِ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَسْتَأْذِنُ ثَلَاثًا

[Ahmad, Musnad Ahmad, Musnad Abdullah bin 'Amru bin al-'As RA, no hadis 13308]

Maksudnya: Imam Ahmad ibn Hambal telah menceritakan kepada kami Abu Sa'id, budak Bani Hasyim telah menceritakan kepada kami, 'Abdullah ibn al-Muthanna berkata, saya telah mendengar Thumamah ibn Anas menyebutkan, Anas jika berbicara ia mengulangnya tiga kali dan mengingatkan, Nabi Muhammad SAW jika berbicara (mengulangnya) tiga kali. Abu Sa'id berkata, "dan telah menceritakan kepada kami setelah itu dengan hadis ini, sesungguhnya Nabi Muhammad SAW jika meminta izin mengulangnya tiga kali".

### 3. Maratib Tilawah atau Tingkatan Bacaan



Tilawah al-Quran mempunyai beberapa tingkatan bacaan yang telah digariskan oleh para ulama dalam ilmu tajwid bahkan telah menjadi perbincangan. Pembahagian tingkatan bacaan terbahagi kepada tiga iaitu *tartil*, *hadr* dan *tadwir* (Jalaluddin al-Suyuti, 1974) dan sebahagian yang lain menyatakan tiga yang terdiri *tahqiq*, *tadwir* dan *hadar* kerana bacaan tartil sudah menjadi cara bacaan yang utama sebagaimana yang diperintahkan Allah SWT (Farel Zakaria al-'Abd, 2011). Firman Allah Taala dalam surah Muzammil ayat 4:

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

Maksudnya: *Dan bacalah al-Quran dengan tartil.*

Menurut Ibn Kathir dalam *Tafsir al-Quran al-'Azim* (1998) bahawa dimaksudkan membaca al-Quran secara tartil ialah membaca al-Quran dengan kadar perlahan supaya membantu dalam kefahaman dan renungan terhadap maknanya. Maka bacaan *tartil* telah menjadi satu tuntutan dalam proses hafazan bahkan menjadi satu kebiasaan membaca al-Quran dengan sebaik-baik bacaan. Proses menghafaz ayat baru perlu diterapkan dengan pembacaan yang tartil agar memenuhi hak pembacaan al-Quran serta mendidik diri lebih cermat melafaz dan membaca al-Quran. Bahkan pembacaan yang tartil dalam proses menghafaz akan lebih menyusun atur kalimah dan ayat dengan proses membayangkan di minda serta tidak tergopoh-gopoh yang sering menjadi punca kesilapan dalam hafazan. Melalui pendekatan ini, bacaan tartil bukan sahaja dapat mendidik huffaz melafaz ayat-ayat suci al-Quran dengan betul tetapi juga dapat menyumbang kepada kualiti hafazan yang lebih kuat sesuai dengan etika dan tuntutan dalam membaca al-Quran.

#### 5.4 Kemahiran Hafazan al-Quran

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat bahawa kemahiran merupakan kecekapan atau kebolehan dalam mengerjakan atau melaksanakan sesuatu. Menurut Buku Kaedah Hafazan Model Hafazan al-Quran Malaysia (2019) yang dikeluarkan oleh Darul Quran JAKIM, bahawa kemahiran yang perlu sebelum proses menghafaz al-Quran ialah kemahiran tajwid, fasahah, makhraj dan kelancaran. Kelayakan dalam mengesahkan ayat yang dihafaz melalui proses tasmik iaitu memperdengarkan hafazan kepada guru hafazan perlu dinilai yang terdiri dari kelancaran hafazan, penguasaan tajwid dan makhraj serta fasahah.

Kemahiran hafazan ini melibatkan pelbagai kaedah dan teknik hafazan seperti mana dinyatakan oleh Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri (2014) kaedah tradisional iaitu *Talaqqi*, *Musyafahah*, *Takrar*, *Tadarus*, *Semaan*, *Tasmik*, *Tashil*, *Tarkiz*, *Tarsikh*, *Tafaqqud* dan *Murajaah*, kefahaman dan penulisan. Oleh yang demikian, kaedah dan teknik perlu diselarikan bersama kemampuan hafazan mengikut peringkat. Kemahiran setiap individu berbeza dalam menggunakan kaedah dan teknik. Sebagaimana contoh bagi peringkat permulaan atau *mubtadi*, maka kaedah tkrar atau mengulang-ulang hafazan lebih banyak berbanding yang mahir kerana masih belum membiasakan dengan kemahiran yang baru dalam menghafaz hafazan baru.

#### 5.5 Penilaian Kemahiran Hafazan al-Quran

Dalam kemahiran membaca al-Quran dikategorikan mengikut peringkat supaya jelas akan kemampuan dan potensi individu dalam membaca al-Quran. Timbul persoalan apabila perbincangan kemahiran menghafaz dari sudut praktikal seperti kelancaran hafazan, penguasaan tajwid dan fasahah ini kurang dikaitkan dengan dijadikan salah satu penyelesaian bagi dengan menggunakan kaedah dan teknik hafazan yang telah digariskan oleh JAKIM. Kelancaran dalam membaca dan tasmik tanpa memenuhi kriteria setiap peringkat tidak dapat kategorikan individu tersebut. Maka seiring antara penguasaan kemahiran yang baik bersama kuantiti hafazan. Perlu diteliti kembali kurikulum tahfiz yang tidak wajar dalam mengejar sasaran sahaja sehingga kurang mengambil berat kemahiran yang dibincangkan, maka ini yang akan menyumbang pada hafazan yang tidak berkualiti bahkan proses murajaah atau ulangan hafazan lama turut terjejas. Pengkaji mengambil rujukan penilaian kemahiran hafazan dari Garis Panduan Mahrajan al-Quran Sekolah-




Sekolah (MQQS) (KPM, 2021) dan diolah mengikut kesesuaian. Berikut Jadual 3 menunjukkan penilaian kemahiran hafazan bersama cadangan kaedah dan teknik bagi setiap permasalahan dalam proses hafazan al-Quran, iaitu:

**Jadual 3** Penilaian Kemahiran Hafazan al-Quran

| Kesalahan/Kekurangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Kaedah & Teknik Penyelesaian                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Pilihan tambahan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Kelancaran Hafazan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bacaan berulang-ulang</li> <li>Bacaan terhenti-henti</li> <li>Bacaan teragak-agak</li> <li>Bacaan tertinggal atau ditambah satu huruf atau salah baris</li> <li>Bacaan tertinggal atau ditambah kalimah</li> <li>Bacaan salah sambung</li> <li>Bacaan melangkau atau tersasul</li> <li>Menggunakan bacaan <i>hadr</i> setelah diperingatkan</li> <li>Gagal menghabiskan bacaan ayat setelah diperingatkan</li> </ul> | 1. Bimbingan tkrar secara lihat, separa lihat dan tanpa lihat<br>2. Tasmik bersama kawan<br>3. Kitabah<br>4. Menggunakan martabat bacaan <i>tartil</i> dan <i>tadwir</i> .<br>5. Penggunaan suara yang tidak terlalu perlahan dan terlalu kuat sehingga boleh menghilangkan fokus.                                                                                                                                  | 1. Menggunakan ABH yang sesuai dengan gaya pembelajaran individu.<br>2. Kaunseling-Menyampaikan kesalahan yang dilakukan dengan cara menangani bersama<br>3. Penerapan aspek rohani seperti adab persediaan menghafaz al-Quran, selawat dan istighfar.                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>Tajwid dan makhraj</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebutan makhraj huruf dan sifatnya</li> <li>Hukum nun sakinah dan tanwin</li> <li>Hukum mim sakinah</li> <li>Hukum nun dan mim tasydid (<i>wajibal ghunnah</i>)</li> <li>Hukum Mad Asli</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                   | <b>Kaedah &amp; Teknik Penyelesaian</b><br>1. Talaqqi dan musyafahah:<br>-Latihan sebutan pada huruf-huruf yang masalah untuk disebut semasa menerangkan makhraj dan sifat huruf secara spontan<br>2. Menerapkan tajwid asas ketika talaqqi seperti hukum lima, mad asli dan <i>wajibal ghunnah</i> .<br>3. Menyoal secara spontan pada hukum tajwid yang ditekankan ketika murid kembali melakukan kesilapan sama. | <b>Pilihan tambahan</b><br>1. Menggunakan gambar ilustrasi mulut untuk menunjukkan makhraj huruf<br>2. Menyebut beramai-ramai<br>Kaunseling-Menyampaikan kesalahan yang dilakukan bersama cara menangani bersama<br>3. Mengisi 15 minit dari akhir masa untuk menyampaikan mengenai hukum tajwid mengikut peringkat.<br>4. Menggalakkan murid mendengar audio dari Qari yang terpilih dan sesuai seperti<br>1. Syeikh Misyari al-Afashi<br>2. Saad al-Ghamidi<br>3. Syeikh Jibril |
| <b>Fasohah (kefasihan dalam sebutan)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Meninggalkan atau melangkau ayat penuh</li> <li>Kurang fasih dalam sebutan huruf-huruf al-Quran</li> <li>Menambah atau mengurangi kalimah</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>Kaedah &amp; Teknik Penyelesaian</b><br>1. Talaqqi dan Musyafahah<br>2. Menekankan pembacaan yang mematuhi waqaf dan ibtida' yang ditentukan oleh guru.<br>3. Maratib bacaan yang tartil dan jelas dalam menyebut huruf ketika membaca.                                                                                                                                                                          | <b>Pilihan tambahan</b><br>1. Menggunakan gambar ilustrasi mulut untuk menunjukkan makhraj huruf<br>2. Menyebut beramai-ramai<br>3. Mengisi 15 minit dari akhir masa untuk menyampaikan mengenai hukum tajwid mengikut peringkat.                                                                                                                                                                                                                                                 |

| <div> <div>QIRAAT</div> <div> Jurnal Al-Quran dan<br/>Isu-isu Kontemporari<br/>e-ISSN : 2636-9591 </div> </div> <div>  </div>                                                                                                                                           |           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Menambah atau mengurang huruf</li> <li>Wakaf dan ibtida' merosakkan maksud ayat</li> <li>Ketidaksempurnaan waqaf ibtida</li> <li>Bertukar baris atau tidak tepat.</li> <li>Menyembunyikan baris.</li> <li>Bacaan yang tersekat atau teragak-agak.</li> <li>Bacaan yang terputus nafas atau mencuri nafas</li> </ul> | 4. Tikrar | 4. Menggalakkan murid mendengar audio dari Qari yang terpilih dan sesuai seperti <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Syeikh Misyari al-Afashi</li> <li>2) Syeikh Saad al-Ghamdi</li> <li>3) Syeikh Jibril</li> <li>4) Qari yang sesuai yang ditentukan oleh guru hafazan</li> </ol> 5. Menggunakan mushaf yang mempunyai waqaf ibtida' |

Berikut Rajah 1 menunjukkan perkaitan antara hasil perbincangan mengenai peringkat hafazan al-Quran, kemahiran hafazan serta berdasarkan aspek kemahiran hafazan.



**Rajah 1** Gabungan perkaitan antara peringkat hafazan, kemahiran hafazan serta aspek kemahiran hafazan al-Quran

## 6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan pada hasil kajian bahawa terhasilnya perkaitan peringkat hafazan juga dapat ditentukan dengan kemahiran hafazan al-Quran. Tambahan juga, melalui peringkat hafazan ini juga dapat dibahagikan aspek kemahiran mengikut kemampuan individu tersebut. Pembahagian ini dapat memberi panduan yang lebih jelas buat para guru hafazan serta buat para huffaz bersama kaedah dan teknik yang disarankan supaya matlamat menghafal al-Quran lebih mudah tercapai. Sebagaimana Allah SWT telah berfirman pada surah al-Qamar ayat 22:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan al-Quran untuk peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”(22)

Melalui ayat ini bahawa wujud pelbagai alternatif bagi memudahkan proses menghafaz al-Quran buat golongan huffaz. Maka dari perbincangan kajian ini juga dapat memberi sumbangan terhadap pemahaman bidang hafazan yang



lebih luas. Hasil penelitian ini dapat memberi landasan dalam perkembangan melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam konteks hafazan al-Quran baik dalam lingkungan formal atau bukan formal. Allah SWT telah memberi pelbagai jaminan dan kelebihan yang besar bagi mereka yang menghafaz al-Quran kerana ia bukanlah satu tanggungjawab yang mudah. Maka amanah dan tanggungjawab itu dapat diiringkan dengan salah satu usaha mencari ruang membantu perjalanan seorang huffaz dalam mencapai matlamat menjaga Kalamullah serta diamalkan dalam kehidupan.

#### CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

#### ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini

#### RUJUKAN

- Abdul Hafiz, A., Ajmain, S., Ismail, M., Azhar, M., & Idris, I. (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Jalal Abdul Manaf., Shamsul Bahari, D., Mohamad Marzuqi, A. R., Muhammad Toriq, Y., Zamzarina, M. S., Sukhairu, S., Mohd Abdul Rauf, S., & Nur Syazrin Nazee, M. (2015). *Keberkesanan kaedah kefahaman makna ayat al-Quran berbantuan al-Quran terjemahan dalam pengajaran dan pembelajaran hifz al-Quran*. Laporan Penyelidikan Darul Quran. Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia, Darul Quran JAKIM.
- Abdul Rahman, A. G., Abdul Munir, I., & Wahibah, T. (2014). *Amalan kaedah hafazan al-Quran di Darul Quran*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Abdul Rahman, A. G., Abdul Munir, I., & Wahibah, T. (2017). Amalan hafazan al-Quran di Darul Quran JAKIM. *Jurnal Perspektif*, 1(Special Issue), 125–135.
- Abu Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhari. (1993) *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq Mustafa Dib al-Bugha. Dar Ibn Kathir, Damsyik.
- Abu Al-Fida', M. I. (2006). *Kaifa nahfazul Quran*. Kaherah: Darul Salam.
- Ahmad Ibn Hambal. *Musnad Imam Ahmad bin Hambal*. Tahqiq Syuib al-Arnout. Muassasah al-Risalah.
- Ali Muhammad al-Dabba'. (1938). *Al-Idha'ah*. Maktabha Abdul Hamid.
- Al-Makki., S. A.-H. (n.d.). *Nadratan Na'im fi Makarimu Akhlak al-Rasul al-Karim*. Darul al-Wasilah.
- Al-Qurtubi. (1964). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran (Tafsir al-Qurtubi)*. Tahqiq Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfish. Darul Kutub al-Misriyyah.
- Al-Sabuni, M. A. (1985). *Al-Tibyan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Al-Wafa, A. A. (1999). *An-Nur al-Mubin Litahfiz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Darul Wafa'.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2024). *Kemahiran*. Dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat. Diambil pada 27 Mac 2024, daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kemahiran>
- Farel Zakaria al-'Abd. (2011). *Al-Mizan fi Ahkam Tajwid al-Quran*. Darul Iman-Kaherah,
- Ibnu Jauzi. (1992). *Al-Jami' fi al-Hathi 'ala Hifzi al-'Ilm*. Tahqiq Abu Abdullah Mahmud Muhammad al-Haddad. Kaherah: Maktabah Ibnu Taimiyah.
- Ibnu Kathir, Tafsir al-Quran al-'Azhim, (1998) Dar al-Maktabah al-'Ilmiah, Juz.8, Hlm. 266
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020). *Sejarah dan perkembangan pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia: Edisi II* (2nd ed.).
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2016, Januari 8). *Bayan Linnas Siri Ke-44: Penjelasan berkenaan sifat Ummiy pada diri Rasulullah SAW*. Diambil daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1825-bayan-linnas-siri-44-penjelasan-berkenaan-sifat-ummiy-pada-diri-rasulullah-s-a-w>
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2018, Julai 3). *Bayan Linnas Siri Ke-140: Islah dan perkasakan Ma'had Tahfiz Al-Qur'an*. Diambil daripada <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2509-bayan-linnas-siri-ke-140-islah-dan-perkasakan-ma-had-tahfiz-al-qur-an>



- Jalaluddin al-Suyuti. (1974). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Tahqiq Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. Penerbit al-Hai'ah al-Misriyah al-'Ammah Lil Kitab
- Jalaluddin al-Suyuti. (2005). *Jam'u al-Jawami' (Jam'u Kabir)*. Kaherah: Azhar al-Syarif.
- Kamarul Azmi, J. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Darul Ta'zim.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Garis Panduan Mahrajan al-Quran Sekolah-Sekolah (MQSS) Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2021 (Secara Dalam Talian)*. Pembangunan Program Adab dan Nilai Bahagian Pendidikan Islam KPM 2021. Diambil pada pautan [https://upipdgombak.net/emahrajan/upload/lampiran/02\\_Garis\\_Panduan\\_Mahrajan\\_Al-Quran\\_MQSS\\_Tahun\\_2021\\_-\\_20\\_Feb.pdf](https://upipdgombak.net/emahrajan/upload/lampiran/02_Garis_Panduan_Mahrajan_Al-Quran_MQSS_Tahun_2021_-_20_Feb.pdf)
- Marican, S. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves, Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Mohd Shamsul Hakim, A. S., Mohd Yakub @ Zulkifli, M. Y., & Sedek, A. (2021). *Tahfiz Quran Al-Quran di Malaysia: Kajian dari sudut reka bentuk dan pembangunan model (DDR)*.
- Muhammad al-Dah, A. al-Shanqiti. (2018). *Maqalat Dirasah fi Da'wah*. Diambil pada 5 Mac 2024 daripada <https://bit.ly/3UmFWZI>
- Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari. *Sahih Bukhari*. Al-Qaherah: Maktabah al-Salafiyyah.
- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri. (2014). Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal. *Proceeding of the Social Science Research ICSSR*, (pp. 827-834).
- Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid. (2014). *Kajian Metodologi Hafazan al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Siti Suriyani Sulaiman. (2018). Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding (E-JITU)*.
- Syaza Mohd Sabri & Sharini Che Ishak. (2014). Kaedah dan Teknik Pengajaran Tilawah al-Quran dan Hafazan. Wahid, S. A. (2014). *Kajian Metodologi Hafazan al-Quran*. Darul Quran JAKIM.
- Yaacob, M. T., & Mohd Zain, A. R. (2017). Amalan Teknik Hafazan al-Quran di Darul Quran.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Ab.Halim Tamuri, Mohd Izzudin Pisol, Mohd Faez Ilias, Siti Suhaila Ihwani (2016). Peranan Al-Quran Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan Dan Hubungannya dengan Sains. Dalam *Proceeding of 5th International Conference on Islamic Education 2016 (ICIEd 2016)*, pada 5-7 Oktober 2016 bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak, anjuran Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM), ISBN: 978-967-14229-2-2 Pautan